

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IX)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

1. Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa larangan penggunaan *straw* akan bermula pada 1 Januari 2019:
 - (a) Apakah kaedah yang akan digunakan untuk larangan ini?
 - (b) Adakah caj atau kutipan akan dikenakan untuk penggunaan *straw* sepertimana yang dikenakan ke atas penggunaan plastik?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk melaksanakan Dasar Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna (*No To Single-Use Plastic*) bermula pada 1 Januari 2019 secara berfasa dimulakan dengan Polisi Larangan Penggunaan *Straw* Plastik (*No To Plastic Straw*) secara menyeluruh di peringkat negeri.
 - (a) Kaedah yang akan digunapakai bagi larangan ini distrukturkan kepada tiga (3) fasa yang melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:
 - A. Fasa Pertama:
 - (i) Penubuhan Jawatankuasa Pemandu sebagai urusetia bagi merangka dasar baharu ke arah larangan penggunaan *Single-Use Plastic* termasuk penyelarasan polisi sedia ada; dan

- (ii) Pelaksanaan kajian dan soal selidik bagi mendapatkan pandangan orang awam terhadap cadangan pelaksanaan dasar dan polisi.

B. Fasa Kedua:

- (i) Proses gubalan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi meletakkan asas punca kuasa kepada PBT selaku agensi pelaksana dasar dan polisi;
- (ii) Penyediaan garis panduan bagi pematuhan dan penguatkuasaan; dan
- (iii) Pembentangan draf dasar dan polisi kepada Jawatankuasa MMK Alam Sekitar dan Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan.

C. Fasa Ketiga:

- (i) Taklimat, publisiti dan proses penglibatan pihak berkepentingan (*stakeholders*) iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), orang awam, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pengusaha sektor makanan dan minuman serta industri plastik;
- (ii) Pemurnian draf dasar dan polisi dengan mengambil kira input dari pihak berkepentingan; dan
- (iii) Pembentangan dasar dan polisi akhir kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk kelulusan bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan.

Proses penyediaan dasar dan polisi ini akan mengambil masa selama enam (6) bulan dari Julai hingga Disember 2018 dan dicadang berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2019 dimulakan dengan polisi *No To Plastic Straw*. Serentak dengan proses ini, Kerajaan Negeri melalui *Penang Green Council* (PGC) telah memulakan pendekatan *soft approach*

dengan mendekati masyarakat serta peniaga makanan dan minuman untuk memberikan informasi dan kesedaran supaya menyokong dasar *No To Single-Use Plastic* secara amnya dan polisi *No To Plastic Straw* secara khusus.

- (b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk mengenakan caj atau kutipan bagi penggunaan *straw* plastik semasa pelaksanaan polisi ini.